


Gaya

FOKUS

utusan malaysia 21/3/2022 Page 21



Oleh HALINA
MD. NOOR
gayautusan@mediam-
ulia.com.my

APABILA bercakap mengenai jangkitan Covid-19, ramai fikir kanak-kanak terlindung daripada jangkitan ini berbanding golongan dewasa dan orang tua.

Malangnya, ia tidak tepat kerana pada tahun 2021 dan 2022, semakin ramai kanak-kanak dijangkiti Covid-19 dan tidak terkecuali mengalami kesan agak serius sehingga mengancam nyawa mereka.

Bilangan kes yang didiagnos menunjukkan peningkatan ketara sepanjang tahun 2020 dengan sejumlah 7,730 kes membabitkan enam kematian. Pada tahun 2021, sejumlah 379,000 kanak-kanak dijangkiti virus ini.

Data Kementerian Kesihatan (KKM) pada 2022 pula, menunjukkan bilangan ini semakin meningkat. Setakat Januari sehingga Mac, sejumlah 119,719 kes dilaporkan di Malaysia.

Pakar Perunding Penyakit Berjangkit Kanak-Kanak, Dr. Nik Khairulddin Nik Yusoff, berkata jumlah kanak-kanak dijangkiti



Semakin ramai kanak-kanak alami kesan serius Covid-19

Ada bayi terpaksa dicuci darah dengan mesin

pada tahap serius semakin meningkat dan memerlukan kemasukan ke hospital.

Awal Januari, jumlah kemasukan kanak-kanak ke hospital kurang daripada 100 kes sehari tetapi jumlah ini meningkat pada Februari, membabitkan kanak-kanak di bawah 12 tahun dengan lebih daripada 300 kes sehari.

“Ini menunjukkan anak bukan dapat gejala ringan sebaliknya serius dan memerlukan rawatan di wad. Sebahagian turut dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) dan terdapat kematian pada tahun ini.

“Ini menandakan jangkitan Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak tidak boleh dipandang ringan sebab ada anak-anak



NIK KHAIRULDDIN NIK YUSOFF

dijangkiti akan mendapat kesan serius selain memerlukan rawatan dan penjagaan rapi,” katanya pada forum Vaksin Covid-19-Adakah Anak Anda Perlukannya?.

Forum awam anjuran Persatuan Pediatrik Malaysia

dan Program Immunises4Life itu, turut disertai Pakar Perunding Pediatrik dan Kardiologi Pediatrik, Datuk Dr. Zulkifli Ismail (moderator), Pakar Perunding Kanak-Kanak dan Neonatologi, Datuk Dr. Musa Mohd. Nordin, Pakar Perunding Intensif Pediatrik, Prof. Madya Dr. Anis Siham Zainal Abidin, Pakar Perubatan Kesihatan Awam dan Ketua Sektor Kesihatan KKM, Dr. Saidatul Norbaya Buang dan Pegawai Farmasi, Ketua Seksyen Farmakovigilans, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Dr. Azuana Ramli.

Bersambung di muka 22




KEMASUKAN ke wad dan ICU mendadak dengan 12,000 orang di bawah usia 0 sehingga 4 tahun. - GAMBAR HIASAN



ZULKIFLI ISMAIL




MUSA MOHD. NORDIN



ANIS SIHAM ZAINAL ABIDIN



SAIDATUL NORBAYA BUANG



AZUANA RAMLI

TANGGUNG JANGKITAN TERUK

Amat menyedihkan apabila melihat ibu bapa yang datang dengan membawa anak yang tenat, tidak selesa dan perlukan bantuan pernafasan serta organ yang terkesan akibat jangkitan Covid-19.

Prof. Madya Dr. Anis Siham berkata, kemasukan kanak-kanak ke wad dan ICU mendadak dari Januari hingga Mac dan sepanjang tiga minggu itu, terdapat 17 kematian kanak-kanak di seluruh negara dengan 12,000 di bawah usia 0 sehingga 4 tahun dan 13,000 berusia 5 hingga 11 tahun dijangkiti.

“Itu yang kami lihat. Malah kadar ketenatan juga lebih teruk. Penyakit radang bermula dari jangkitan Covid-19 yang pertama dan mereka datang dengan keadaan badan diserang oleh sistem imun sendiri. Selalunya kesannya lebih kurang serangan jantung.

“Boleh bayangkan sakit yang dihadapi oleh kanak-kanak apabila dijangkiti virus ini. Ada yang terpaksa dicuci darah mereka dengan mesin pada usia kurang daripada sebulan umurnya,” katanya.

Kanak-kanak boleh dapat dua jenis kesan jangkitan iaitu kesan terhadap badan dan kesan radang jangkitan kuman yang biasanya berlaku selepas dua hingga enam minggu yang diturut dipanggil sebagai sindrom keradangan pelbagai dalam kalangan kanak-kanak (MISC).

Mereka yang dirawat dibahagikan kepada beberapa kategori. Pada 2021, kebanyakannya adalah dalam kategori rendah tapi kini semakin ramai yang masuk ke wad dengan kategori 4 dan 5 iaitu memerlukan bantuan pernafasan.

Mereka turut berisiko mengalami jangkitan yang turut menyerang paru-paru, serangan jantung, saraf dan otak.

